

Pemuliharaan penting kawal suhu persekitaran

Pemuliharaan penting kawal suhu persekitaran

Kuala Lumpur: Pemuliharaan hutan termasuk di kawasan bandar penting kerana ia terbukti memainkan peranan besar dalam kitaran suhu persekitaran, khususnya untuk mengawal cuaca panas dialami dunia kini.

Selain itu, hutan memainkan peranan cukup penting dalam membantu untuk membendung daripada berlakunya pulau haba dan banjir kilat.

Pensyarah kanan Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian di Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Daljit Singh Karam Singh, berkata kajian dilakukan Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) menunjukkan bahawa pokok dan tumbuhan di bandar atau hutan bandar, memberikan teduhan dan mampu merendahkan suhu permukaan serta udara melalui proses penyejatan dengan pengurangan suhu di antara satu hingga lima darjah Celsius.

Mengulas lanjut, katanya, ramai yang tidak sedar bahawa hutan bandar memainkan peranan besar termasuk membantu dalam penapisan air dan udara, mengawal banjir kilat dan penjimatan tenaga, serta menyediakan habitat dan perlindungan kepada haiwan dan unggas di bandar.

"Hutan di bandar boleh mengurangkan penggunaan tenaga

seperti elektrik berikutan pokok dan tumbuh-tumbuhan yang ditanam berhampiran atau sekeliling bangunan secara langsung merendahkan suhu persekitaran dan ia sekali gus mengurangkan penggunaan penyaman udara.

"Kualiti udara persekitaran lebih bersih berikutan pokok juga dapat menapis elemen pencemar serta dapat menyerap gas rumah hijau seperti karbon dioksida.

"Ia membolehkan mitigasi banjir kilat dan meningkatkan kualiti air kerana pokok dapat mengurangkan hakisan pada permukaan tanah dan meningkatkan struktur tanah melalui cengkaman akar pokok," katanya kepada BH.

BH melalui laporan eksklusif semalam melaporkan dua Hutan Simpan Kekal (HSK) Bukit Tarek dan Rantau Panjang dikuatiri terancam apabila terdapat beberapa kesan penerokaan dipercayai secara haram, binaan bangunan kekal selain tiada pemuliharaan dilaksanakan pihak berkuasa.

Hasilkan kelembapan atmosfera

Sementara itu, Daljit berkata, peranan hutan dalam mitigasi perubahan iklim tidak boleh dinafikan, malah ramai saintis alam sekitar berpendapat kesan hidrologi dan penyejukan iklim ha-



Hutan Simpan Kekal Bukit Tarek perlu dipertahankan bagi mengawal kitaran suhu persekitaran. (Asyraf Hamzah/BH)

rus diiktiraf sebagai sumbangan utama hutan.

Beliau berkata, hutan berperanan besar dalam pengawalan perubahan cuaca sama ada pada skala tempatan, serantau dan benua di mana hutan menghasilkan kelembapan atmosfera dan hujan yang menyumbang kepada penyejukan keadaan persekitaran kita.

Katanya, pokok dan tumbuhan lain membantu menyedukkan persekitaran, menjadikan tumbuh-tumbuhan sebagai cara yang mudah dan berkesan untuk mengurangkan pembentukan pulau haba di bandar.

"Akhbar *The Guardian* di United Kingdom sebelum ini melaporkan bahawa negara Asia sedang menghadapi gelombang panas yang berpanjangan.

"Sebagai contoh, ratusan sekolah di Filipina ditutup buat sementara waktu dan proses pembelajaran diadakan dari rumah atau jarak jauh untuk mengelakkan pelajar jatuh sakit.

"Di Thailand pula, gelombang panas menyumbang kepada rekod tertinggi penggunaan elektrik lebih pada 2023 berbanding 2022 pada waktu yang sama.

"Sementara Malaysia, cuaca panas yang sedang kita hadapi ini dijangka berterusan sehingga Oktober depan. Ketika ini, sudah pastinya ramai lebih menghargai betapa pentingnya hutan bandar khususnya bagi penduduk di kawasan bandar," katanya.

Beliau berkata, hutan bandar adalah hutan turut merujuk kepada pokok yang terdapat di kawasan bandar serta pinggir bandar.

Selain itu, katanya hutan bandar juga merujuk segala jenis tumbuh-tumbuhan berkayu yang terdapat di dalam dan sekitar kawasan penempatan masyarakat di bandar.

"Sebagai contoh, Hutan Simpan Ayer Hitam dan KL Forest Eco Park adalah salah satu hutan dalam bandar dan dikelilingi urbanisasi," katanya.



Daljit Singh